

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Sri Mas Foods Industries Sdn. Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter elektrik daripada merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik, iaitu dengan membuat pintasan yang disambung kepada kabel incoming daripada busbar di kedudukan sebelum cut out fuse. Pada 27 Ogos 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM55,000.00 dan OKS telah membayar denda tersebut.